

PM tegur 41 Ahli Parlimen BN gagal kemuka soalan

BH MS 1 19/05/04

Oleh Veena Rusli dan
Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Walaupun baru kira-kira enam minggu dipilih sebagai wakil rakyat, 41 Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) ditegur Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana kegagalan mereka mengemukakan soalan bertulis kepada Dewan Rakyat.

Dalam mesyuarat pramajlis BN selepas

istiadat pembukaan penggal pertama Parlimen ke-11 semalam, Perdana Menteri mengingatkan semua wakil rakyat BN supaya lebih bertanggungjawab melaksanakan amanah rakyat.

Difahamkan, dalam mesyuarat selama 20 minit itu Perdana Menteri mengingatkan wakil rakyat BN mengenai harapan rakyat terhadap mereka ketika menghadiri sidang Parlimen.

Abdullah dikatakan kecewa dengan kegagalan 41 wakil rakyat, termasuk tokoh veteran dan yang baru dilantik kerana gagal mengemukakan soalan walaupun mereka sudah diingatkan untuk berbuat demikian.

Teguran tegas Perdana Menteri turut disusuli arahan supaya 41 wakil rakyat berkenaan menyediakan soalan untuk sesi kali ini dan yang seterusnya.

Mereka yang baru pertama kali dipilih diminta belajar daripada yang veteran atau menerusi laporan media, selain menegenahkan soalan daripada pengundi yang diwakili.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Nazri Aziz, berkata sembilan isu penting dibangkitkan dalam kira-kira 766 soalan yang dikemukakan wakil rakyat pada sesi Parlimen kali ini.

LIHAT MUKA 2 ►

Ekonomi Malaysia tidak terjejas teruk - Muka 2
